Jalinan kerjasama teknologi 17 universiti

JOHOR BAHRU -Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mewujudkan platform Asia Technology University Network (ATU-Net) bersama 17 universiti berasaskan teknologi rantau ini bertujuan menjalankan pelbagai perkongsian akademik.

Naib Canselor UTM, Prof Datuk Dr Wahid Omar berkata, ia adalah salah satu komitmen untuk berkongsi kepakaran termasuk menjadi penghubung perkongsian antara universiti terlibat.

Menurutnya, ATU-Net merupakan sebuah perjanjian yang menghubungkan kesemua universiti di Asia dalam pengkhususan teknologi untuk saling berkongsi maklumat atas dasar perkongsian akademik.

"UTM menjadi pencetus idea untuk mewujudkan *networking* bersama universiti berasaskan teknologi di rantau ini melalui perjanjian yang telah ditandatangani. Melalui platform ini semua universiti terlibat dapat berkongsi kepakaran dalam bidang masing-masing.

"Sebagai permulaan sebanyak 17 universiti di sekitar rantau ini telah bersetuju bersama UTM menandatangani ATU-Net," katanya.



Wahid (lima, kiri) bergambar bersama wakil universiti yang menandatangani ATU-Net sempena Forum Presiden Universiti (UPF) kali ke-8.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Forum Presiden Universiti (UPF) di Dewan Sultan Iskanar, UTM di sini kelmarin.

Pada majlis sama, berlangsung sesi menandatangani perjanjian persefahaman ATU-Net bersama 17 universiti.

Antara universiti yang terbabit ialah Universiti Teknologi Brunei, Universiti Teknologi Guilin, China; Institut Teknologi, Bandung; Universiti Nasional Seoul dan Institut Teknologi Shibaura, Jepun.

Dalam perkembangan berkaitan, Wahid berkata, ia turut bertujuan meningkatkan kerjasama dalam bidang akademik, penyelidikan, pertukaran staf dan pelajar.

"Setakat ini kita hanya bersetuju menerima universiti atau institut khas dalam bidang teknologi. Mungkin pada masa depan, kita membuka peluang ini pada universiti yang turut menyediakan kursus berkaitan teknologi," katanya.